

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HST 222 Kepulauan Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Apakah faktor-faktor ekonomi, sosial dan politik yang menyebabkan kegagalan reformasi ekonomi Jose Basco Vargas di Kepulauan Filipina.
2. Setujukah anda bahawa Katipunan yang diasaskan oleh Andres Bonifacio berjaya melibatkan semua lapisan masyarakat Filipina dalam satu usaha untuk menentang penjajahan Sepanyol?
3. Amerika Syarikat berjaya menjajah Kepulauan Filipina oleh kerana bantuan sebahagian kaum ilustrado yang hanya mementingkan kedudukan mereka. Bincangkan.
4. Kemerdekaan bagi Kepulauan Filipina diberi pertimbangan yang berat hanya selepas Amerika Syarikat menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun 1920an dan 30an. Setujukah anda.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Sistem tanaman paksa telah digambarkan sebagai suatu sistem yang tidak memberi sebarang keuntungan kepada masyarakat Pulau Jawa. Bahaskan pandangan ini.

6. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa suatu nasionalisme yang menyeluruh telah didapati di Kepulauan Hindia Timur Belanda pada awal abad ke-20 (1900 - 1920)?
7. Kenapakah sebahagian daripada masyarakat Indonesia tidak dapat menerima agama Islam sebagai sebuah ideologi politik pada tahun 1920an dan 1930an?
8. Nasionalisme Indonesia berkembang dengan pesat di Indonesia disebabkan oleh dasar Belanda yang tidak mengambil kira aspirasi rakyat Indonesia untuk diberi suara dan hak dalam pentadbiran negara mereka. Bincangkan.

-ooo000ooo-